



KEMENTERIAN KERJA RAYA

TEKS UCAPAN YANG BERHORMAT DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA

SEMPENA MAJLIS HARI INOVASI KKR DAN AGENSI 2023

31 OKTOBER 2023 (SELASA)

Selamat pagi dan Salam Malaysia MADANI,

1. Bersyukur kita pada pagi yang indah ini untuk kita dapat bersama-sama berkumpul bagi meraikan pembudayaan inovasi khususnya kepada pereka cipta inovasi KKR & Agensi dalam **MAJLIS HARI INOVASI KKR & AGENSI TAHUN 2023** bertemakan *Inovasi Madani, Konsolidasi Produktiviti*.
2. Selaras dengan Rukun Ketiga Malaysia MADANI iaitu Daya Cipta, penganjuran julung-julung kali Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat KKR dengan penyertaan pereka cipta inovasi daripada 13 Bahagian/Unit Kementerian adalah satu usaha yang membanggakan. Syabas dan tahniah!
3. Saya juga difahamkan bahawa KKR berjaya menghantar 19 kumpulan mewakili KKR dan Agensi ke Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) di peringkat Kebangsaan. Dari 19

penyertaan tersebut, sebanyak dua (2) wakil KKR dan Agensi telah berjaya ke saringan akhir bagi merebut ganjaran RM300 ribu dan sekaligus layak dicalonkan ke penerima anugerah utama iaitu bernilai RM1 juta yang akan diumumkan pada hari ini, 31 Oktober 2023 oleh YAB Perdana Menteri. Untuk Konvensyen Inovatif dan Kreatif Sektor Awam (KIKSA), KKR menghantar 11 penyertaan mewakili KKR dan Agensi dan satu (1) kumpulan berjaya ke peringkat akhir dan keputusan juga akan diumumkan pada hari ini. Saya berharap pasukan KKR dan agensi akan membawa pulang kejayaan yang cemerlang. Tahniah saya ucapkan sekali lagi!

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Inovasi kini sudah menjadi tanda aras global. Ia mendorong kepada keupayaan penciptaan idea dan inisiatif strategik yang baru, unik dan bermanfaat, sekali gus berfungsi sebagai pemangkin pembangunan sesuatu bidang. Dalam era moden hari ini, penghasilan inovasi secara berterusan dan berimpak tinggi diyakini berupaya meningkatkan kecekapan sesuatu proses serta penyampaian perkhidmatan. Inovasi juga seharusnya memberi impak besar kepada masyarakat dan merevolusikan gaya hidup mereka.
5. Peter Drucker, seorang penulis dan perunding pengurusan yang terkenal pernah berkata *‘If you want something new, you have to stop doing something old’*. Ini merupakan antara kata kunci utama yang menggalakkan pembudayaan inovasi di tempat kerja. Kita harus mengubah cara kerja supaya berorientasikan visi dan menjurus kepada pemberian penyelesaian serta merungkaikan

cara untuk melaksanakan sesuatu inisiatif secara menyeluruh dan efektif. Pemikiran kritis dan kreatif termasuk daya saing untuk melahirkan sesuatu yang baharu melalui kaedah penyelesaian masalah sepatutnya dijadikan amalan kerja pada setiap masa sepanjang tahun, bukan hanya sekadar untuk menjadi bahan pengisian bagi sesuatu program khusus.

6. Dalam hal ini, saya hargai warga kerja KKR dan agensi keseluruhannya yang sentiasa proaktif dan mampu menghasilkan kejayaan-kejayaan berimpak tinggi yang diiktiraf di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Antara produk inovasi yang menjadi kebanggaan Kementerian dan negara Malaysia ialah *i-Supervision*, JKR yang memenangi anugerah di peringkat antarabangsa. Saya difahamkan bahawa sistem ini telah diguna pakai di empat (4) projek hospital dengan keberhasilan pengawasan secara IoT yang lebih cekap, tanpa kaedah manual.
7. Terdapat juga beberapa produk inovasi yang telah dihasilkan oleh KKR bukan sekadar untuk dipertandingkan malah digunakan dan mendatangkan impak besar kepada KKR. Antaranya ialah *Tongue and Groove Shaped Concrete Drain (JKR)*, inovasi kepada kerja-kerja pemasangan longkang lebih berkualiti dan efektif yang diguna pakai di 35 projek JKR terutama di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.
8. Banyak lagi produk inovasi yang telah diguna pakai dan membanggakan KKR. Ini membuktikan produk inovasi di KKR bukan sekadar untuk menyertai dan memenangi pertandingan malah diterjemahkan dalam pembudayaan amalan bekerja yang berinovatif dan kreatif sekaligus meningkatkan produktiviti, kualiti,

keberkesanan, impak dan penjimatan kepada kos. Tahniah warga KKR & Agensi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Berikutan dengan anjakan paradigma teknologi global yang dinamik, kita harus mengambil peluang ini untuk menerokai teknologi-teknologi baharu khususnya oleh bakat tempatan yang mampu menghasilkan inovasi dalam meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat seiring dengan misi dan visi KKR dan agensinya.
10. Dalam hal ini, saya menyeru agar kita dapat mempertingkatkan dan mempererat lagi jalinan kerjasama strategik bersama pemain industri yang relevan dalam memperkasakan inisiatif kolaboratif bagi merealisasikan pembangunan infrastruktur yang mampan. Kita harus berganding bahu dan bergerak sebagai satu pasukan yang mantap. Cara kerja secara 'Silo' harus diketepikan.
11. Saya ingin mencadangkan agar satu program "**Sandbox**" **Infrastruktur Jalan Pintar** diperkenalkan sebagai satu platform inovasi yang membolehkan integrasi teknologi dikaji dan diuji bagi urusan pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur jalan secara inklusif di seluruh negara. Melalui program ini, KKR amat mengalu-alukan penglibatan pemain industri tempatan dan antarabangsa serta agensi Kerajaan untuk bersama-sama merealisasikan program ini, selaras dengan aspirasi kempen MYJalan dan hasrat

kerajaan untuk memperkasakan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dengan penggunaan teknologi berketepatan tinggi dan efisien.

12. Saya difahamkan bahawa sudah ada program rintis sebegini iaitu *Sandbox Lebuhraya Pintar* inisiatif oleh Plus Malaysia Berhad (Plus) bersama-sama *Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC)* dan '*The Construction Sandbox*' antara *The National Technology & Innovation Sandbox (NTIS)* dan *The Construction Research Institute of Malaysia (CREAM)*.

13. Justeru, adalah bertepatan masanya untuk KKR memperkenalkan "**Sandbox Infrastruktur Jalan Pintar**" bagi memanfaatkan **33.4 juta penduduk Malaysia** yang menggunakan infrastruktur jalan negara. Saya percaya dengan adanya program ini, inisiatif inovasi hasil daripada kepakaran dan pengetahuan sedia ada di KKR dan agensi dapat diketengahkan untuk diuji keberkesannya. Sebagai motivasi kepada harapan ini, saya ingin memetik kata-kata *Alexander The Great* bahawa "***There is nothing impossible to him who will try.***"

Tuan-Tuan dan Puan-puan,

14. Pohonan mawar rimbun di kali,
Redup mendamai tepian titi,
KKR sentiasa terus mengungguli,
Inovasi MADANI, Konsolidasi Produktiviti.

15. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada **15 peserta akhir** mewakili KKR, JKR, LLM dan CIDB yang telah berjaya ke peringkat akhir Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat KKR & Agensi. Anda semua adalah **pemenang** dan **pereka cipta inovasi unggul** KKR & Agensi.

16. Ribuan tahniah dan setinggi penghargaan juga kepada seluruh warga Kementerian dan Agensi khususnya **Bahagian Khidmat Pengurusan** selaku Jawatankuasa Induk serta seluruh jawatankuasa inovasi Bahagian, Unit dan Agensi bagi merealisasikan Hari Inovasi KKR & Agensi Tahun 2023.

17. Dengan ini, saya merasmikan Hari Inovasi KKR & Agensi Tahun 2023.

Sekian, terima kasih.